

# 60 minit kejar bot!

11 M 03/11 23 mlc 10

## APMM tahan lima nelayan Vietnam bersama hasil laut RM1.5j

Oleh Nor Amalina  
Alias  
am@hmetro.com.my

### Pasir Puteh

**L**ima nelayan warga Vietnam termasuk tekong gagal bolos bersama satu tan hasil laut bernilai RM1.5 juta yang dicuri dari perairan negara Isnin lalu selepas ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

Pengarah APMM Negeri Kelantan, Kepten Maritim Syed Nor Adli Syed Abdul Rahman berkata, semua yang ditahan berusia antara 24 hingga 31 tahun bersama rampasan bot, ikan, peralatan menangkap ikan, alatan navigasi dan bekalan diesel berjumlah 7,000 liter.

Katanya, mereka ditahan pada jarak 173 batu nautika daripada Tenggara Muara Tok Bali jam 9.20 pagi menerusi Op Damai Khas Kuda Laut dan Op Naga Barat.

"Kapal Maritim (KM) Jujur mengambil masa kira-kira satu jam untuk menahan bot nelayan asing yang cuba melarikan diri



SYED Nor Adli (dua dari kanan) bersama nelayan warga asing Vietnam yang ditahan pada sidang media di Pasir Puteh, semalam.

dan melakukan *force boarding*.

"Mereka cuba ke sempadan Vietnam namun ketangkasan pegawai dan anggota bersama menahan bot dan dibawa ke jeti Maritim Malaysia di Tok Bali, Pasir Puteh," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Syed Nor Adli berkata, tekong disiasat mengikut

16(3) Akta Perikanan 1985 kerana gagal memaklumkan kepada pegawai berkuasa melalui radio atau faksimili tentang nama negara, bendera, lokasi laluan dan destinasi vesel dalam hal memasuki perairan perikanan Malaysia.

Semua kru disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 ke-

rana gagal mempamerkan sebarang dokumen diri yang sah.

Bagi sabit kesalahan perikanan, boleh dihukum denda sehingga RM6 juta kepada tekong dan RM600,000 ke atas kru mengikut Seksyen 25(a) Akta Perikanan 1985, bot dan peralatan menangkap ikan juga dilucut hak kepada kerajaan Malaysia.